

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 4()

**MINIT MESYUARAT PENUH BULANAN
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA
BIL. 3 TAHUN 2018**

Tarikh : **29 Mac 2018 (Khamis)**

Masa : **10.00 pagi hingga 11.45 tengahari**

Tempat : **Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2, Ibu Pejabat,
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

Kehadiran : **Seperti di Lampiran A**

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Mohd Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik, Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 PERUTUSAN YANG DIPERTUA

Puan Yang Dipertua memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini adalah Mesyuarat Penuh Bulanan MPSJ bilangan yang ketiga sejak beliau dilantik. Seterusnya puan Yang Dipertua memaklumkan beberapa perkara seperti berikut:

2.1 Sebagai persediaan dalam menghadapi pilihanraya akan datang, MPSJ akan memberikan lebih tumpuan terhadap perkhidmatan teras Pihak Berkuasa Tempatan seperti penyelenggaraan jalan, parit, lampu dan kebersihan agar tiada perkara-perkara berkaitan dijadikan isu pilihanraya.

2.2 Beberapa program / aktiviti telah dirancang seperti berikut :

i) **MAJLIS PELANTIKAN JAWATANKUASA PENYELARAS
DAN PENGGERAK PENIAGA (J3P) SERTA
PENYAMPAIAN ANUGERAH J3P 2017**

MPSJ akan melaksanakan program tersebut seperti berikut :

Tarikh : 29 Mac 2018 (Khamis)

Masa : 12.00 tengahari

Lokasi : Laman Kenanga MPSJ

Aktiviti lain yang turut dijalankan adalah Pelancaran Logo Baru J3P dan Seminar J3P MPSJ 2018.

ii) **KARIVAL USAHAWAN MPSJ 2018**

MPSJ akan mengadakan Karnival Usahawan MPSJ 2018 pada :

Tarikh : 31 Mac 2018 (Sabtu)

Masa : 8.00 pagi hingga 5.00 petang

Lokasi : Kompleks 3K SS13, Subang Jaya

Objektif program adalah :

- i. Menggalakkan penglibatan rakyat dan masyarakat sekitar dan pendedahan ilmu dalam membantu meningkatkan ekonomi isi rumah dan Negara dalam bidang keusahawanan sebagai pemangkin kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS).
- ii. Membantu melahirkan usahawan terutama golongan remaja dan belia yang profesional, dinamik dan mempunyai jaringan perniagaan yang kukuh dikalangan pendudukan tempatan.

Program ini adalah selaras dengan hala tuju menjadikan MPSJ sebuah perbandaran yang mampan serta seiring dengan **Teras ke**

5 Pelan Strategik MPSJ 2012-2030 : Pembentukan Masyarakat Madani di bawah **strategi kedua** iaitu **Memupuk Semangat Cintakan Perbandaran** dengan melaksanakan program Pendidikan dan Kesedaran.

Program ini mensasarkan penglibatan adalah seramai 100 orang yang terdiri daripada komuniti Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPSJ, Penggerak Belia Tempatan (PeBT), Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS), Pelajar Lulusan Sekolah Menengah, NGO, Persatuan dan Kelab dan Orang Kelainan Upaya (OKU).

Antara aktiviti yang akan dilaksanakan adalah

- ❖ Taklimat Usahawan
- ❖ Bengkel Masakan (Yuran RM10.00/Bengkel) mempelajari menu tapai, roto canai, gulai kawah, durian crepe dan moon cake.
- ❖ Pameran (Agensi luaran dan dalaman)
- ❖ Gerai Jualan IKS
- ❖ Konsultasi Kesihatan
- ❖ Ceramah Pemakanan sihat
- ❖ Bengkel Tatacara Dan Etika Protokol (Temuduga) - (Yuran RM10.00/Individu)
- ❖ Perpustakaan Mini & Eksplorasi Permainan Kanak-Kanak
- ❖ Buku Percuma
- ❖ 'Big Girls Talk' berbentuk pendedahan kepada anak-anak gadis tentang bahaya gangguan seksual.
- ❖ Bengkel Asas Muzik (Yuran RM10.00/Individu)
- ❖ Kelas Renang
- ❖ Senamrobik
- ❖ Perlawanan Amal (Bola Sepak)
- ❖ 'Soccer Kids' Sepakan Penalti
(Yuran RM15.00/Kump. Kategori Bawah 12 Tahun)
(Yuran RM10.00/Kump. Kategori Bawah 9 Tahun)

iii) **KONVENSYEN GENERASI BESTARI 'MELENTUR BULUH BIAR DARI REBUNGNYA'**

MPSJ akan menganjurkan Konvensyen Generasi Bestari 'Melentur Buluh Biar dari Rebungnya' seperti berikut :

Tarikh : 10,11 dan 12 April 2018 (Selasa – Khamis)
Masa : 9.00 pagi – 5.00 petang
Tempat : The Summit USJ, Persiaran Kewajipan, USJ 1, 47600 Subang Jaya, Selangor

Program Generasi Bestari Melentur Buluh Biar Dari Rebungnya merupakan program yang dijenamakan semula daripada Program Anugerah Sekolah Sejahtera yang telah dilaksanakan dengan jayanya pada tahun 2017.

Sebanyak 56 sekolah telah mengesahkan penyertaan pada tahun ini setelah berakhirnya tempoh pendaftaran pada 12 Mac 2018 yang lalu. Konvensyen yang akan diadakan ini merupakan program pemulaan bagi tahun 2018 bagi memberi bimbingan, taklimat dan pendedahan kepada guru dan pelajar untuk pelaksanaan 6 modul utama merangkumi 12 aktiviti di sekolah sepanjang tahun. Dianggarkan seramai 2,400 pelajar dan guru-guru akan menghadiri konvensyen yang akan dilaksanakan sepanjang tiga hari ini.

2.3 Terdapat info berkaitan MPSJ untuk makluman ahli mesyuarat seperti berikut :

i) **PENGURUSAN SISA BINAAN BAGI CADANGAN PEMBINAAN TAMBAHAN, UBAHSUAI DAN KERJA-KERJA MEROBOH BANGUNAN**

MPSJ telah melaksanakan penambahbaikan sistem pengurusan sisa binaan bagi kerja-kerja pembinaan bangunan sebagai langkah

menangani masalah pelupusan sisa binaan secara tidak teratur yang semakin berleluasa.

Bermula 15 Mac 2018, MPSJ telah mula mengenakan cagaran pengurusan sisa binaan bagi semua permohonan kelulusan pelan bangunan yang melibatkan cadangan tambahan, ubahsuaian dan kerja-kerja meroboh bangunan.

Kadar bayaran cagaran pengurusan sisa binaan yang telah ditetapkan adalah mengikut kategori bangunan seperti berikut :

KATEGORI BANGUNAN	KADAR CAGARAN
Bangunan kediaman (Rumah Teres Lot Tengah / <i>End Lot</i>)	RM 500
Bangunan kediaman (Rumah Teres <i>Corner Lot</i> / Berkembar / Sesebuah / Kluster / <i>Zero Lot Bungalow</i>)	RM 1000
Bangunan Komersil & Industri (Teres)	RM 2000
Bangunan Komersil & Industri (Berkembar / Sesebuah), Pam Minyak, Kompleks Perdagangan & Perniagaan, Kemudahan Awam dan Insitusi	RM 3000
Kerja-Kerja Meroboh (Semua Jenis Bangunan)	RM 3000

Bayaran cagaran ini akan dipulangkan kepada pemilik bangunan setelah perakuan Sijil Siap dan Pematuhan (Sijil CCC) diperolehi dengan syarat pemilik mengemukakan salinan resit “Tipping Fee” semasa mengemukakan permohonan CCC tersebut sebagai bukti sisa binaan pembinaan telah dilupuskan di tempat yang dikhaskan. Sekiranya gagal mematuhi keperluan ini pihak MPSJ akan mengambil cagaran tersebut.

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 2/2018

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 2 Tahun 2018 yang telah diadakan pada 28 Februari 2018 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Tiada perkara berbangkit.

5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 5/2018 bertarikh 6 Mac 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.15 & m/surat 61	Encik Chang Kim Loong	BLUDREAM CITY DEVELOPMENT SDN.BHD (MPSJ.JPB.BP7. 600-1/2/8)	Beliau memohon agar keputusan ditangguhkan sehingga syarikat induk Bluwater Development Sdn Bhd menjelaskan tunggakan hasil yang berjumlah RM265,019.00 Secara pentadbiran. <u>Maklum balas</u> Puan Yang Dipertua memaklumkan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>keputusan Jawatankuasa OSC adalah sah. Walau bagaimanapun, MPSJ akan mengambil pendekatan dengan membuat semakan terlebih dahulu dari segi undang-undang samada syarikat induk dan syarikat yang mengemukakan permohonan boleh dikaitkan. Sekiranya kedua-dua syarikat boleh dikaitkan, MPSJ akan menahan pengeluaran borang C1 dan pengesahan pelan sehingga syarikat menjelaskan tunggakan.</p> <p>Tindakan : Jabatan Perancang Bandar</p>

5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 6/2018 bertarikh 21 Mac 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.7 & m/surat 49	Encik Chang Kim Loong	KUALA LUMPUR SDN. BHD. (1029096-V) (MPSJ.JPB.BP 1.600-1/4/14)	<p>Beliau meminta dilaksanakan pindaan terhadap kesilapan nama syarikat KUALA LUMPUR SDN. BHD. kepada KUALA LUMPUR EMPIRE SDN. BHD.</p> <p>Maklum balas : Puan Yang Dipertua meminta agar Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa OSC membuat pindaan terhadap minit tersebut.</p> <p>Tindakan : Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa OSC</p>
2.	Para 5.1 & m/surat 34		OPULENCE E&C SDN. BHD.	<p>Beliau memaklumkan bahawa pemohon perlu menjelaskan semua bayaran berkaitan premium tanah jika belum terlebih dahulu sebelum pihak Majlis memberikan kelulusan. Oleh yang demikian, beliau meminta agar pemohon mengemukakan bukti resit pembayaran</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>premium sebelum kelulusan diberikan.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa bagi Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan perlu dipastikan hal-hal berkaitan tanah telah diselesaikan terutamanya pembayaran premium. Oleh yang demikian, Pegawai-pegawai di Jabatan OSC dan Perancang Bandar perlu lebih pakar dan mahir dalam membuat penelitian dan menyemak dokumen sokongan sebelum kelulusan diberikan.</p> <p>Tindakan : Jabatan Perancang Bandar Dan Jabatan OSC</p>
3.	Para 1.1 & m/surat 1	Encik Wan Hock Leong	Women Friendly Cities	Beliau mencadangkan agar tempat letak kereta di SS15, diperuntukkan tingkat 1 untuk kemudahan wanita dan OKU bagi

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>menyokong Women Friendly Cities.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa MPSJ menyokong saranan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan konsep pembangunan Women Friendly Cities di MPSJ dan telah melaksanakan beberapa inisiatif di kawasan ibu pejabat MPSJ. MPSJ juga akan menambahkan beberapa elemen berkaitan Women Friendly Cities dalam syarat pembangunan projek.</p> <p>Puan Yang Dipertua menerima cadangan yang diberikan berkaitan pelaksanaan elemen Women Friendly Cities di tingkat 1 di tempat letak kereta SS15 dikhususkan kepada wanita, wanita bersama kanak-kanak dan golongan OKU</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>serta memohon tindakan dilaksanakan dari segi penyediaan papan tanda, fasiliti berkaitan dan lain-lain.</p> <p>Tindakan : Jabatan Perbendaharaan dan Jabatan Kejuruteraan</p>

5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Bil. 3/2018 bertarikh 6 Mac 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 2.1 & m/surat 2	Encik Chang Kim Loong	Status mengekalkan atau membatalkan status pendaftaran GST	<p>Beliau mempersoalkan apakah status mengekalkan atau membatalkan status pendaftaran GST. Tarikh berkuatkuasa 1 April 2018 atau 1 Oktober 2018.</p> <p>MPSJ dan PBT (Selangor) mesti bersepakat dalam isu ini.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>memaklumkan bahawa perkara ini telah dibincangkan di peringkat MTES dan semua PBT di Selangor telah bersepakat untuk memilih 1 Oktober 2018 memandangkan pihak Majlis memerlukan masa untuk mengubah sistem pembayaran sedia ada. Keputusan ini juga adalah merujuk kepada keputusan Kerajaan Negeri.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>
2.	Para 4.1 & m/surat 7	Encik Pooi Weng Keong	Isu Bas Smart Selangor	<p>Beliau memohon penjelasan adakah draf perjanjian Bas Smart Selangor disediakan oleh Jabatan Undang-Undang atau Jabatan Perancangan Bandar. Beliau mencadangkan draf perjanjian disediakan oleh Jabatan Undang-Undang kerana mempunyai kepakaran berkaitan isu perundangan. Memandangkan perjanjian telah tamat pada 31/12/2017, sepatutnya perlu ada sekurang-nya surat setuju</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>terima sehingga perjanjian baharu siap.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua memutuskan semua draf perjanjian disediakan oleh Jabatan Undang-Undang. Walau bagaimanapun, Jabatan berkaitan perlu menyerahkan maklumat yang lengkap kepada Jabatan Undang-Undang. Tindakan segera perlu diambil bagi perkara ini.</p> <p>Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar / Jabatan Undang-Undang</p>
3.		Encik Tai Cheng Heng		<p>Beliau meminta satu kajian dilaksanakan dari segi laluan disebabkan oleh bilangan penumpang yang kurang di laluan sedia ada.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua meminta agar satu mesyuarat khas dilaksanakan bagi membincangkan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				berkaitan laluan bas. Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar

5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 1/2018 bertarikh 10 Januari 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 3/2018 bertarikh 12 Mac 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan & Kesihatan Bil. 3/2018 bertarikh 13 Mac 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 11.1 & m/surat 36	Encik Chang Kim Loong	Hal-hal lain - Dasar dan keperluan syarat lesen.	Beliau memohon agar diedarkan polisi dan dasar kepada semua Ahli Majlis untuk rujukan dan tindakan selanjutnya.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa MPSJ mengadakan satu forum khas bagi membincangkan dan membuat semakan semula terhadap dasar-dasar dan polisi-polisi yang digunapakai di MPSJ. Dasar dan polisi akan diedarkan kepada semua Ahli Majlis untuk dijadikan rujukan.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>
2.	Para 10.11 & m/surat 33	Encik Pooi Weng Keong	Permohonan Lesen bagi Paparan Iklan Luaran Jenis Elektronik 'LED Screen' Oleh Mydin Mohamed Holdings Berhad (Kertas Mesyuarat Bil : 59/03/2018)	<p>Beliau memohon agar dikaji kesan pancaran iklan daripada lampu LED kepada pemanduan.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua memohon agar perkara ini dirujuk kepada Jabatan Kerja Raya (JKR).</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Pelesenan</p>

5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 3/2018 bertarikh 14 Mac 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	-	Encik Yap Kok Weng	-	<p>Beliau menyarankan MPSJ mengambil tindakan penambahbaikan segera terhadap perkara-perkara berkaitan jalan berlubang, lampu jalan.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua meminta agar memberi penumpuan terhadap penambahbaikan, penyelenggaraan dan kekemasan berkaitan infrastruktur yang asas agar dapat memberikan mutu penyampaian perkhidmatan terbaik kepada rakyat.</p> <p>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
2.	Para 7.6.1 & m/surat 15	Puan Wong Siew Ki	Penyambungan Jalan Jinma 7	<p>Beliau ingin mendapatkan status terkini berkenaan penyambungan Jalan Jinma 7</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Pengarah Kejuruteraan memaklumkan bahawa terdapat tiang TNB yang menghalang laluan penyambungan jalan tersebut. Pihak pemaju sedang dalam proses pengalihan tiang TNB tersebut.</p> <p>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</p>
3.	-	Encik Pooi Weng Keong	-	<p>Beliau memohon agar disambung keahlian Jawatankuasa Pengangkutan dan diharapkan agar mesyuarat dapat dilaksanakan sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Infra akan datang agar pelaporan dapat dibentangkan.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				bersetuju keahlian Jawatankuasa Pengangkutan disambung. Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 3/2018 bertarikh 15 Mac 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT/KERTAS MAKLUMAN

6.1 KERTAS CADANGAN MENGADAKAN BENGKEL BERSAMA PENDUDUK MPSJ TAHUN 2018

Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan oleh Encik Muhammad Zaki bin Yusof. Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima pembentangan kertas mesyuarat tersebut.

7.0 **PENUTUP**

Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.45 tengahari. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan **April 2018** akan diadakan pada **25 April 2018 (Rabu)** jam 10.00 pagi.

Tarikh Disediakan : 29 Mac 2018

" MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.
Timbalan Yang Dipertua
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(NORAINI BINTI ROSLAN), S.I.S., P.P.T
Yang Dipertua
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | Puan Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T
Yang Dipertua | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 4. | TPr. Hj. Jaber bin Ami. | - | " |
| 5. | Encik Roslan Shahir bin Mohd Shahir | - | " |
| 6. | Encik Edwin Lim Hock Lee | - | " |
| 7. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 8. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 9. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 10. | Encik Yap Kok Weng | - | " |
| 11. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 12. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 13. | Ir. Izham bin Hashim | - | " |
| 14. | Encik Wan Hock Leong, P.J.K., P.J.M., P.P.A. | - | " |
| 15. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 16. | Puan Norzaihan binti Ismail | - | " |
| 17. | Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | " |

- | | | | |
|-----|---|---|---|
| 18. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |
| 19. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli | - | " |
| 20. | Puan Kavitha a/p Chandragesen | - | " |
| 21. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu | - | " |
| 22. | Encik Chang Kim Loong, A.M.N. | - | " |
| 23. | Puan Wong Siew Ki | - | " |
| 24. | Dr. Mahendran a/l V Markandoo | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|---------------------------------------|---|---|
| 1. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | " |
| 2. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy | - | " |

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Puan Hamizun binti Hj. Mohamad Basar, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
3. TPr. Ismail Bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
4. Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan

5. Encik Muhammad Zaki bin Yusof
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
6. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Penguatkuasa
7. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan
8. Puan Hjh. Aida binti Omar
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
9. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
10. Puan Hjh. Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
11. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Audit Dalam
12. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
13. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
14. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
15. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi
Pengarah, Jabatan OSC
16. Encik Muhd Hasnizam bin Hassan
Pengarah, Jabatan COB
17. Puan Rosmawati binti Zainuddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap

18. Encik Azfarizal bin Abd Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
19. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
20. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
21. Puan Rohana binti Ramli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
22. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
23. Encik Saipudin bin Sulaiman
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
24. Encik Mohd Reyzal bin Mazlan
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
25. Encik Samsudin bin Ayob
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
26. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
27. Encik Nordin bin Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kesihatan
28. Encik Salmi bin Mat Saad
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
29. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
30. Puan Asmidar binti Shaarin
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar

31. Cik Hasniza binti Husin
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
32. Cik Adibah binti Abdullah
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
33. Puan Nadia binti Abu Baharin
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
34. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
35. Puan Salwa binti Ab. Rahman
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
36. Puan Zalmah binti Yahya
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
37. Puan Noor Baizura binti Bakhtiar
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
38. Encik Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
39. Puan Nur Maini binti Ariffin
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
40. Puan Marhaini binti Mohd Sukaime
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
41. Puan Nurnawwar binti Arpaaii
Pegawai Perubatan, Jabatan Kesihatan
42. Cik Nor Zahirawaty binti Sihat
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam

43. Puan Mazlina binti Mustafa
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
44. Encik Ramzi bin Mohamed Lazim
Penolong Pengarah, Jabatan Landskap
45. Encik Zamir Umbra bin Shahimi
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
46. Puan Nor Najihah binti Sukor
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
47. Puan Siti Mahirah binti Sidik
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
48. Hafiza binti Shaari
Penolong Pegawai Tadbir, Unit Integriti

URUS SETIA

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
4. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan